

21 AUG 1996  
Khalil-Tioman  
UNIT KHAS AWASI KEBERSIHAN TIOMAN

KUANTAN, 21 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Pahang bersetuju menempatkan unit khas untuk mengawasi kebersihan di Pulau Tioman berikutan masalah pembuangan sampah yang sukar dikawal sejak akhir-akhir ini, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, beliau berkata unit itu yang dianggotai pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan sokongan akan memastikan penjagaan alam sekitar agar pulau itu selesa dikunjungi pelancong.

Katanya berdasarkan kajian, Pahang tidak mampu mengendalikan pembuangan sampah dengan sistem yang diamalkan sekarang berikutan jumlah besar sampah yang dibuang di pulau itu.

Kaedah yang digunakan untuk melupuskan sampah di Pulau Tioman pada masa ini ialah menggunakan bot untuk mengangkut sampah yang boleh dikitar semula ke tanah Obeser dan tempat pembakaran tertutup bagi sampah yang boleh hancur atau boleh dibakar.

Terdapat 2,000 penduduk di Pulau Tioman manakala pelancong dianggarkan sebanyak 18,000 setiap hari.

Khalil berkata kajian oleh juruperunding itu turut meliputi bekalan air, jumlah bilik yang sepatutnya dibina, konsep penggunaan tanah dan beberapa garis panduan mengenai sistem pengangkutan darat serta penyertaan Bumiputera daripada sudut pembangunan ekonomi.

Mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya tanah terbiar ditanam dengan pokok-pokok jati dan sentang, beliau berkata Pahang telahpun menyediakan pelan khas untuk memaksimumkan penggunaan tanah terbiar.

Terdapat lebih 19,000 hektar tanah terbiar di negeri ini.

Khalil berkata Pertubuhan Peladang dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung akan dibekalkan benih, terutamanya pokok jati selaras saranan Dr Mahathir itu.

Setiap daripada 38 Anggota Dewan Undangan Negeri pula akan dibekalkan 200 benih pokok untuk menghidupkan kawasan mereka. -- BERNAMA

ROS MAI